

ISD
INSTRUMEN SENARAI SEMAK
DISLEKSIA

MANUAL

BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Cetakan Kedua 2011**

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Khas)	ix
Penghargaan	x

BAB	PERKARA	HALAMAN
BAB 1	PENGENALAN	1
	Pengenalan	2
	Apa Itu Disleksia?	3
	Murid Disleksia Kementerian Pelajaran Malaysia	4
BAB 2	INSTRUMEN SENARAI SEMAK DISLEKSIA (ISD)	5
	Apa itu ISD?	7
	Mengapa ISD Diperkenalkan	7
	Apakah kandungan ISD?	8
BAB 3	BAGAIMANA MENGOPERASI ISD?	9
	Pengoperasian ISD	11
	Pencalonan	11
	Perumusan	11
	Pelaporan	12
	Pengesahan Pengamal Perubatan	12
	Ilustrasi pentaksiran ISD	13
BAB 4	BAGAIMANA MENTADBIR ISD?	15
	Pengenalan	17
	Bahagian A	17

Bahagian B	17
BAGAIMANA MENTADBIR BAHAGIAN A	17
Nama Murid	17
Jantina	18
Status Murid	18
Tahun Persekolahan	18
Keturunan	18
Kedatangan Sekolah	18
Pencapaian Akademik	19
Nama Sekolah	19
Lokasi Sekolah	19
Negeri	19
Daerah	19
Nama Guru Bahasa Melayu atau Guru Penilai	20
Tarikh	20
Tanda Tangan Guru Bahasa Melayu atau Guru Penilai	20
BAGAIMANA MENTADBIR B	20
Elemen 1 : Tahap penguasaan Kemahiran mengeja, membaca dan menulis	20
Kemahiran Mengeja	20
Mengeja Perkataan Mudah	
Mengeja Perkataan Tidak Sebagaimana Yang Dikehendaki	21
Menyusun Abjad Tidak Mengikut	22
Ejaan Dalam Perkataan Sebagaimana Yang Sepatutnya	

Kesilapan Meletakkan Suku kata Dalam Perkataan	22
Tidak Boleh atau Keliru dalam Membezakan Bunyi Abjad Yang Hampir Sama Yang Terdapat Dalam Suku Kata	23
Kemahiran Membaca	24
Membaca Ayat Tanpa Menghiraukan Tanda Baca Yang Ada	24
Tidak Boleh Membaca Perkataan Yang Mengandungi Vokal Berganding	24
Diftong	24
Diagraf / Konsonan Berganding	24
Kemahiran Menulis	25
Elemen 2 : Kekuatan Murid	28
Elemen 3: Kelemahan yang Ditunjukkan	31
BAB 5 PENSKORAN ISD	35
Skor	37
Merumus Skor	37
Interpretasi Elemen	38
Elemen 1 : Persepsi Tahap Penguasaan Kemahiran Mengeja, Membaca dan Menulis	38
Elemen 2 : Persepsi Terhadap Kebolehan Murid	38
Elemen 3 : Ciri-Ciri Spesifik Yang Ada Pada Murid	38

KATA ALU-ALUAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

Bismillahirrahmanirahim

Saya berasa amat bangga dan bersyukur atas kejayaan penerbitan Manual Instrumen Senarai Semak (ISD) ini. Manual ISD ini diterbitkan seiring dengan Instrumen Senarai Semak Disleksia bagi menentukan kebarangkalian murid mengalami masalah pembelajaran disleksia.

ISD merupakan satu instrumen yang dapat menentukan kebarangkalian murid mengalami masalah pembelajaran disleksia. Manual ini diterbitkan bagi tujuan membantu guru-guru bahasa khususnya guru bahasa Melayu dan disleksia mengendalikan ISD di sekolah mereka dengan berkesan. Seterusnya manual ini dapat memandu guru-guru bahasa dan disleksia memahami kandungan ISD supaya maklumat yang diisi dapat menggambarkan keadaan sebenar seseorang murid.

Dengan terhasilnya Manual ini juga akan dapat membantu guru-guru bahasa menggunakan instrumen ini secara lebih terselaras dan seterusnya dapat turut membantu guru-guru disleksia menentukan kebarangkalian murid mengalami masalah pembelajaran disleksia. Justeru, proses pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksana terhadap mereka. Program pendidikan murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran disleksia adalah menjadi tanggungjawab guru-guru disleksia.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pendidik yang terlibat memastikan setiap murid yang berada dalam sistem pendidikan hari ini kompeten bagi menghadapi segala cabaran dalam era globalisasi.

MOHD NORDIN BIN AWANG MAT

PENGENALAN

Jabatan Pendidikan Khas khususnya urusetia Manual ISD merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk sehingga Instrumen dan manual ini dapat disajikan dalam bentuk yang ada ini. Perhargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada:

1. Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Ketua-ketua Unit Pendidikan Khas, Pegawai-pegawai Pemulihan Khas Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru-guru Disleksia.
3. Pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Khidmat Kepakaran daripada Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Perubatan, Kubang Kerian.
5. Khidmat Kepakaran daripada Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Khidmat Kepakaran daripada Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Khidmat Kepakaran daripada Pensyarah-pensyarah, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
8. Persatuan Disleksia Wilayah Persekutuan.
9. Mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan intrumen dan manual ini.

Sesungguhnya hanya ALLAH yang dapat membalas jasa dan sumbangan tuan/puan, InsyaAllah.

BAB 1

PENGENALAN

PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran dan murid pemulihan khas. Kategori kanak-kanak bermasalah pembelajaran di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti yang berikut:-

Sindrom Down

Autisme ringan

Attention Deficit Hyperactive Disorder

Terencat akal minimum

Bermasalah pembelajaran spesifik (contoh:Disleksia)

APA ITU DISLEKSIA?

Perkataan “disleksia” adalah gabungan dua perkataan Greek iaitu “dys” bermaksud “kesukaran” dan “lexia” bermaksud “perkataan”. Disleksia jika diterjemahkan secara terus bermaksud “kesukaran dengan perkataan bertulis”. Selain daripada disleksia istilah lain yang telah digunakan bagi kesukaran ini adalah “buta huruf”. Definisi disleksia ialah ***“kesukaran atau ketidakbolehan individu menguasai kemahiran membaca walaupun telah menerima pendidikan yang mencukupi”***.

MURID DISLEKSIA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Disleksia dikaitkan dengan kesukaran membaca dan menulis. Lazimnya murid-murid dalam kategori ini adalah terdiri daripada murid atau kumpulan murid yang mempunyai kecerdasan atau kepintaran yang tinggi tetapi pencapaian akademik mereka adalah rendah. Hal ini demikian adalah kerana murid atau kumpulan murid ini mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran dan menulis.

Penilaian melalui kaedah pensel dan kertas adalah merupakan sesuatu yang amat sukar bagi murid-murid ini. Murid disleksia juga tergolong daripada murid-murid bermasalah pembelajaran spesifik. Fenomena ini wujud kerana terdapat murid disleksia yang bukan sahaja menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran asas literasi tetapi juga turut menghadapi masalah dalam kemahiran asas numerasi.

Murid atau kumpulan murid disleksia ini tidak terdiri daripada mereka yang malas, nakal, mengalami gangguan emosi mahupun menghadapi masalah sosial. Dalam konteks pelaksanaan Program Disleksia, Kementerian Pelajaran Malaysia mendefinisikan murid disleksia sebagai:

“Murid-murid yang mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi menghadapi kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca dan menulis

BAB 2

**INSTRUMEN
SENARAI SEMAK
DISLEKSIA (ISD)**

APA ITU ISD?

ISD adalah merupakan ujian saringan bagi mengenal pasti kebarangkalian seseorang murid itu mengalami masalah pembelajaran spesifik disleksia.

MENGAPA ISD DIPERKENALKAN

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia merancang untuk membekalkan perkhidmatan kepada murid-murid yang mengalami masalah disleksia. Langkah awal ke arah ini, adalah mengenal pasti murid atau kumpulan murid yang mengalami kebarangkalian disleksia.

Penyaringan murid-murid yang kebarangkalian mengalami masalah disleksia adalah bukan suatu perkara yang mudah. Hal ini adalah kerana masalah disleksia hanya dapat dikesan apabila kanak-kanak yang mengalami masalah memasuki alam pendidikan. Kebanyakan murid-murid disleksia dikenal pasti dengan menggunakan khidmat kepakaran psikologi; klinikal perubatan atau psikologi pendidikan. Mereka ini dikenal pasti melalui penggunaan instrumen yang dihasilkan oleh negara barat. Penggunaan instrumen ini adalah tertakluk kepada peraturan hak cipta. Fenomena ini telah mendorong BP Khas membina dan mengeluarkan satu sebagai instrumen bagi menyaring murid-murid disleksia. Instrumen ini dikenali sebagai Instrumen Senarai Semak Disleksia atau singkatannya, ISD.

APAKAH KANDUNGAN ISD?

ISD dibina berasaskan kepada teori yang beranggapan bahawa murid yang menghadapi masalah pembelajaran spesifik disleksia adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai antara lain ciri-ciri:

- x) Kecerdasan mental yang normal;
- xi) Memperoleh pencapaian prestasi akademik yang rendah;
- xii) Mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis;
- xiii) Mempunyai ciri-ciri disleksia yang diterima oleh umum;
- xiv) Ketinggalan 2 tahun secara umum di belakang rakan sebaya dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis serta rendah dalam pencapaian akademik.

Berasaskan kepada teori ini, kerangka ISD telah dibina dalam tiga (3) elemen. Elemen yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

ELEMEN 1

Mengukur persepsi terhadap penguasaan membaca, mengeja dan menulis.

ELEMEN 2

Mengukur persepsi terhadap kebolehan atau kecerdasan kognitif (kekuatan sedia ada) murid.

ELEMEN 3

Mengenal pasti ciri-ciri spesifik disleksia yang terdapat pada seorang murid.

BAB 3

**BAGAIMANA
MENGOPERASI ISD?**

PENGOPERASIAN ISD

Untuk mengoperasikan ISD langkah-langkah yang berikut perlu di ikuti, antaranya ialah:

PENCALONAN

Proses pencalonan boleh dilakukan oleh sama ada daripada guru-guru kelas atau guru-guru yang lain mahupun daripada ibu bapa murid sendiri. Apabila guru Bahasa Melayu menerima pencalonan daripada pihak-pihak yang berkenaan, maka pengoperasian ISD boleh dilaksanakan.

Di samping menerima pencalonan daripada pihak-pihak yang lain, guru-guru Bahasa Melayu juga boleh mengoperasi ISD ini sekiranya beliau mendapati murid atau kumpulan murid yang dalam perhatiannya berkemungkinan menghadapi masalah disleksia.

Setelah guru Bahasa Melayu mengoperasi ISD, Guru Bahasa Melayu hendaklah memberi skor kepada respons murid. Kemudian ISD yang telah diberi penskoran diserahkan kepada Guru Penyelaras atau Guru Disleksia.

PERUMUSAN

Apabila Guru Penyelaras atau Guru Disleksia menerima ISD yang telah diberi penskoran daripada Guru Bahasa Melayu, Guru Penyelaras atau Guru Disleksia hendaklah merumuskan penskoran yang berkenaan. Hasil daripada rumusan ini Guru Penyelaras akan mengenal pasti sama ada murid yang berkenaan berkemungkinan mengalami kebarangkalian disleksia atau sebaliknya.


PELAPORAN

Guru Penyelaras akan melaporkan rumusan ISD kepada Guru Besar atau Pihak Pentadbir sekolah. Guru Besar atau pihak pentadbir sekolah hendaklah menyerahkan pelaporan serta keputusan ISD serta borang pengesahan pengamal perubatan kepada ibu bapa murid yang berkenaan. Kemudian, pihak ibu bapa atau penjaga murid yang berkenaan dicadangkan supaya membawa anak bawah jagaan mereka berjumpa dengan pengamal perubatan untuk mendapatkan khidmat kepakaran.

PENGESAHAN PENGAMAL PERUBATAN

Keputusan ISD yang menyatakan bahawa seseorang murid itu berkemungkinan mengalami kebarangkalian masalah disleksia ini perlu mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan. Hal ini demikian adalah bertepatan dengan keperluan peraturan pendidikan khas yang mengkehendaki seseorang murid pendidikan khas itu terlebih dahulu disahkan kategori permasalahannya oleh pengamal perubatan. Setelah murid ini mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan, proses penempatan murid program disleksia boleh diteruskan .

ILUSTRASI PENTAKSIRAN ISD



Petunjuk

KMMD = Kebarangkalian Mengalami Masalah Disleksia

TMMD = Tidak Mengalami Masalah Disleksia

BAB 4

**BAGAIMANA MENTADBIR
ISD?**

PENGENALAN

Instrumen ini terdiri dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B

BAHAGIAN A

Bahagian ini merupakan bahagian yang mengandungi item-item tentang biodata murid. Bahagian ini perlu diisi oleh guru Bahasa Malaysia atau guru penilai yang berkenaan mengikut keperluan (contohnya ketiadaan guru Bahasa Melayu dalam tempoh masa yang lama)

BAHAGIAN B

Bahagian ini merupakan bahagian yang mengandungi item-item senarai semak. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga elemen. Jumlah item dalam bahagian ini ialah 50 item, yang merangkumi 20 item dalam Elemen 1, 20 item dalam Elemen 2 dan 10 item dalam Elemen 3.

BAGAIMANA MENTADBIR BAHAGIAN A

Bahagian A adalah merupakan bahagian yang memperincikan tentang biodata murid. Bahagian ini hendaklah diisi oleh sesiapa sahaja yang membuat penilaian terhadap murid, tetapi di sini adalah dicadangkan sebaik-baiknya oleh Guru Bahasa Malaysia. Bahagian ini hendaklah diisi sebagaimana dalam catatan di bawah:

NAMA MURID

Nama murid hendaklah ditulis di dalam petak yang disediakan dengan huruf besar.

JANTINA

Jantina murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan.

STATUS MURID

Status murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan.

TAHUN PERSEKOLAHAN

Tahun persekolahan murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan. Kemudian, catatkan nama kelas murid seperti 1 Mawar atau seumpamanya.

KETURUNAN

Keturunan murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan.

KEDATANGAN SEKOLAH

Kedatangan sekolah murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan .

PENCAPAIAN AKADEMIK

Pencapaian akademik murid di tandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan mengikut gred pencapaian peperiksaan terakhir murid yang berkenaan.

A	80-100	
B	60-79	
C	40-59	
D	20-39	
E	0-19	

NAMA SEKOLAH

Nama sekolah murid ditulis di petak yang disediakan

LOKASI SEKOLAH

Lokasi sekolah murid ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan.

NEGERI

Negeri di mana sekolah murid itu terletak ditandakan dengan tanda palang (/) di dalam petak yang berkenaan.

DAERAH

Daerah di mana terletak sekolah murid yang berkenaan ditulis di dalam petak yang disediakan.

NAMA GURU BAHASA MELAYU ATAU GURU PENILAI

Nama Guru Bahasa Malaysia atau Guru Penilai yang mengoperasikan ISD ditulis dengan huruf besar di dalam petak yang disediakan .

TARIKH

Tarikh pelaksanaan ISD hendaklah dicatatkan pada ruang yang disediakan.

TANDA TANGAN GURU BAHASA ATAU GURU PENILAI

Setelah selesai melengkapkan Bahagian A ini, Guru Bahasa Malaysia atau Guru Penilai hendaklah menandatangani dokumen yang berkenaan pada ruang yang disediakan.

BAGAIMANA MENTADBIR BAHAGIAN B

Bahagian B terdiri daripada 3 elemen.

Elemen 1: Tahap penguasaan Kemahiran mengeja, membaca dan menulis.

KEMAHIRAN MENGEJA

1) Mengeja Perkataan Mudah

Murid seharusnya dapat mengeja perkataan mudah. Perkataan mudah bermaksud perkataan asas yang seharusnya ada pada seseorang murid, tahap perbendaharaan kata adalah berdasarkan umur murid.

Contoh:-

Tahun	Perkataan Mudah
Tahun 1	<i>baju, emak, rumah, muka, nama sendiri</i> dan seperti yang terkandung dalam senarai perbendaharaan kata Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tahun 1
Tahun 2	<i>acara, bagai, bayi, dahaga, jendela</i> dan seperti yang terkandung dalam senarai perbendaharaan kata Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tahun 2.
Tahun 3	<i>sangkar, tandan, abang, beku</i> dan seperti yang terkandung dalam senarai perbendaharaan kata Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tahun 3

2) Mengeja Perkataan Tidak Sebagaimana Yang Dikehendaki.

Contoh:-

Ejaan Yang Dikehendaki	→	Ejaan Murid
Baju	→	Batu
Sama	→	Sana
Lagu	→	Laju
Kepak	→	Kapak
Sekolah	→	Selekoh

3. Menyusun Abjad Tidak Mengikut Dalam Perkataan Sebagaimana Yang Sepatutnya

Murid sering melakukan kesilapan dalam menyusun abjad ketika mengeja perkataan. Contohnya jika guru meminta mereka mengeja perkataan “nasi”, murid akan menyusun abjad dalam ejaan ‘nasi’ menjadi “sain” atau “nsai” yang tidak mengikut urutan ejaan perkataan ‘nasi’ sebagaimana yang sepatutnya.

Contoh perkataan-perkataan lain:-

Susunan Abjad Yang Sepatutnya	→	Ejaan Murid
sabun	→	Basun
Dalam	→	ldmaa
Arnab	→	ranab

4) Kesilapan Meletakkan Suku Kata Dalam Perkataan

Murid sering melakukan kesilapan dalam meletakkan suku kata dalam perkataan. Contohnya jika guru meminta murid mengeja perkataan “pasu”, murid sering akan meletakkan suku kata dalam perkataan pasu, iaitu suku kata “pa” dan suku kata “su” menjadi susunan “supa” yang tidak mempunyai kaitan dengan perkataan asal atau mempunyai makna yang lain daripada makna asal.

Contoh perkataan yang lain:

tisu	→	suti
buta	→	tabu
buka	→	kabu

5) Tidak Boleh atau Keliru dalam Membezakan Bunyi Abjad Yang Hampir Sama Yang Terdapat Dalam Suku Kata

Murid tidak boleh atau keliru dalam membezakan bunyi-bunyi abjad yang hampir sama

Contoh perkataan:

Perkataan Guru		Perkataan Murid		Suku Kata (Sepatutnya)		Suku Kata (Murid)
dapat	→	padat		da	→	pa
				pat	→	dat
pakaian	→	pakayan		ian	→	yan
almari	→	lamari		al	→	la

Kemahiran Membaca

Tahap kebolehan membaca murid agak rendah berbanding dengan rakan sebayanya. Rakan sebaya di sini adalah merujuk kepada keseluruhan murid pada tahun yang sama contohnya murid Tahun Satu.

Masalah Murid Dalam Membaca Teks Panjang

6) Murid Membaca Ayat Tanpa Menghiraukan Tanda Baca Yang Ada.

Murid sering meninggalkan perkataan yang tertentu semasa membaca teks panjang. Teks panjang di sini merujuk kepada teks yang mengandungi ayat lebih daripada 6 baris.

Murid sering kali menyebut perkataan lain daripada perkataan yang sepatutnya dibaca semasa membaca teks yang panjang. Perkataan-perkataan tersebut mungkin sukar dieja oleh murid tersebut.

Murid Sering Kali menambah Perkataan Sendiri Dalam Ayat Yang Dibaca.

Murid membaca ayat secara melangkaui baris dengan meninggalkan baris-baris ayat yang tertentu dalam teks panjang.

Sekiranya guru kurang pasti, guru boleh membina teks sendiri yang mengandungi lebih daripada 6 baris.

7) Murid Tidak Boleh Membaca Perkataan Yang Mengandungi :

- I. Vokal Berganding
Contoh :daun, cium, baik, buih dan sebagainya
- II. Diftong
Contoh: dia, air, pulau, misai dan sebagainya
- III. Diagraf / Konsonan Berganding
Contoh: Khamis, syarikat, trafik dan sebagainya

8) Murid sukar membaca ayat panjang. Murid berasa was-was atau teragak-agak kerana kurang yakin, sama ada ayat yang dibaca itu betul atau salah.

Kemahiran Menulis

Masalah Yang Sering Dialami Oleh Murid Yang Kebarangkalian Mengalami Masalah Disleksia Dalam Penguasaan Kemahiran Menulis


9) Hasil kerja murid tidak kemas contohnya saiz tidak seragam, margin antara huruf atau perkataan antara baris tidak seragam, tidak seragam dalam membentuk huruf dan kerja bertulis kotor.

(i) Murid mencampurkan huruf besar dengan huruf kecil.

Contoh: ruMaH, BuaT.

(ii) Murid menulis dengan tidak mengikut garisan.

Contoh:



(iii) Saiz huruf yang ditulis tidak sama besar.

Contoh:

saYa maKan

10) (i) Murid tidak berupaya menyalin semula secara lengkap maklumat yang ditulis di papan hitam.

(ii) Murid tidak berupaya menulis maklumat yang di perengarkan atau yang disebut oleh guru

11) Tulisan murid sukar dibaca.

(i) Bentuk abjad tidak jelas

Contoh *dubok*

(ii) Tidak ada jarak satu perkataan dengan perkataan yang lain.

Contoh: sayamakannasi

(iii) Kedudukan huruf tidak teratur.

Contoh: *lo mo vi*

12) Murid tidak dapat menyaingi kebolehan menulis setanding dengan rakan sebayanya. Rakan sebaya di sini bermaksud keseluruhan murid pada tahun yang sama contohnya Tahun Satu.

13) Murid menulis secara terbalik.

(i) Abjad-abjad tertentu.

Contohnya :

Abjad		Tulisan Murid
b	→	d
u	→	n
m	→	w
p	→	q

(ii) Perkataan terbalik.

Contoh:

Perkataan		Tulisan Murid
sama	→	masa
buku	→	kubu
Duku	→	Kuda

Elemen 2: Kekuatan Murid

14) Berdasarkan pemerhatian guru, murid berkeupayaan berinteraksi secara lisan dengan guru dan rakan-rakan serta tidak menghadapi masalah dalam menyebut contohnya gagap, pelat.

15) Berdasarkan penilaian guru, murid berkeupayaan menjawab soalan secara lisan dengan baik, iaitu :

Jawapan murid menepati kehendak soalan
 Apa-apa penjelasan yang difikirkan sesuai.

- 16) Berdasarkan penilaian guru, murid berkeupayaan menceritakan keperihal gambar atau gambar-gambar yang ditunjukkan mahupun yang ditayangkan.
- (i) Cerita yang dihasilkan menepati gambar atau gambar-gambar.
- 17) Berdasarkan pemerhatian guru:
- (i) Murid sering bertanya untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara yang baru.
 - (ii) Suka mencuba sesuatu perkara yang baru dan sebagainya.
 - (iii) Murid menunjukkan sikap ingin mencuba yang tinggi
- 18) Berdasarkan pemerhatian guru, murid berkeupayaan berkomunikasi secara lisan setanding dengan rakan sebayanya:
- 19) Berdasarkan pemerhatian guru, murid berpotensi di dalam bidang-bidang yang tertentu;
- (i) Seni – nyanyian, menulis, kraf tangan dan sebagainya.
 - (ii) Sukan- permainan, olahraga.
- 20) Berdasarkan pemerhatian guru, murid menunjukkan keupayaan berkomunikasi dengan baik, mampu melahirkan pendapat tetapi pencapaian akademiknya rendah.

21) Berdasarkan pemerhatian guru, murid memperlihatkan keupayaan mengutarakan pandangan serta idea.

22) Berdasarkan penilaian guru, murid tidak berupaya melahirkan idea dalam bentuk tulisan.

Contoh:

Isi-isi karangan tidak tersusun

23) Berdasarkan pemerhatian guru, murid melakukan banyak kesalahan bahasa walaupun isi kandungan murid baik.

24) Berdasarkan penilaian guru, murid menunjukkan prestasi yang baik dalam subjek-subjek isi kemahiran berbanding subjek-subjek akademik.

25) Berdasarkan penilaian guru, murid berkeupayaan menjawab secara lisan soalan kefahaman daripada bahan yang diperdengarkan.

26) Berdasarkan penilaian guru, murid berkeupayaan menceritakan semula petikan yang telah diperdengarkan semula.

27) Berdasarkan pemerhatian guru, murid menunjukkan kreativiti dalam penghasilan sesuatu tugas / tindakan.

28) Berdasarkan pemerhatian guru, murid berkeupayaan menyesuaikan diri dengan rakan-rakannya.

- 29) Berdasarkan pemerhatian guru, murid dapat bertindak-balas terhadap pelbagai situasi yang diberikan kepadanya.

Contoh:

- (i) Latihan kebakaran.
- (ii) Aktiviti simulasi
- (iii) Dan sebagainya

- 30) Berdasarkan pemerhatian dan penilaian guru, murid berkeupayaan membuat ramalan jawapan mengenai sesuatu situasi yang dikemukakan.

- 31) Berdasarkan penilaian guru, murid berkeupayaan menjawab soalan-soalan yang berkaitan isu-isu semasa dan pengetahuan am melalui aktiviti-aktiviti soal jawab, kuiz, perbincangan dan sebagainya.

- 32) Berdasarkan pemerhatian guru,
- (i) murid sering bertanya untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara yang baru.
 - (ii) suka mencuba sesuatu perkara yang baru dan sebagainya.
 - (iii) murid sering mengajukan soalan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara atau topik baru.
 - (iv) murid menunjukkan sikap ingin tahu dan mencuba yang tinggi.
 - (v) memperlihatkan apa-apa tindak balas tingkah laku yang menunjukkan minat.

Elemen 3 : Kelemahan yang ditunjukkan

33) Murid enggan melakukan sesuatu sama ada secara bersendirian atau bila disuruh kerana menganggap dirinya tidak mampu menandingi rakan atau merasakan dia tidak akan berjaya melakukannya.

34) Apabila disuruh melakukan apa-apa aktiviti menulis atau membaca murid bersikap menolak dengan memberi alasan yang sukar diterima.

Contohnya:

- (i) Tangan sakit kerana enggan menulis
- (ii) Sakit gigi kerana enggan membaca
- (iii) Demam
- (iv) Sakit perut
- (v) Ingin ke tandas dan sebagainya

35) Murid didapati gemar melakukan perkara yang negatif,

- (i) Membuang kertas.
- (ii) Menconteng buku.
- (iii) Mengoyak kertas.
- (iv) Mengusik rakan.
- (v) Merosakkan harta benda dan sebagainya.

36) Murid didapati kerap bertukar-tukar aktiviti dalam sesuatu tempoh (tempoh tumpuan pada satu aktiviti terlalu singkat)

37) Murid tidak dapat menentukan arah.

Contoh:

- (i) Kanan atau kiri
- (ii) Atas atau bawah
- (iii) Depan atau belakang

38) Murid tidak boleh menyatakan konsep turutan.

Contoh:

- (i) Nama hari dalam seminggu
- (ii) Masa dalam sehari
- (iii) Nama bulan dalam setahun
- (iv) Turutan nombor

39) Murid tidak boleh menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan.

40) Murid tidak berupaya memahami arahan yang panjang. Murid akan keliru jika menerima arahan terlalu banyak dalam suatu masa.

41) Murid menunjukkan kegagalan mengawal diri semasa menjalankan sesuatu aktiviti.

42) Murid tidak dapat mengawal diri dalam pergerakan (cemerkap)

Contoh:

- (i) Bila berjalan kerap melanggar sesuatu di persekitaran.
- (ii) Kerap menjatuhkan barang.
- (iii) Dan sebagainya.



BAB 5

PENSKORAN ISD
(DIISI OLEH GURU BAHASA MALAYSIA)

SKOR (DIISI OLEH GURU BAHASA MALAYSIA)

Skor “1” di berikan kepada jawapan “Ya” dan skor “0” kepada jawapan “Tidak”

Jawapan	Skor
Ya	1
Tidak	0

MERUMUS SKOR (DIISI OLEH GURU BAHASA MALAYSIA)

Jumlah skor yang terkumpul perlu dirumuskan mengikut wajaran yang berikut:-

Elemen	Julat Skor	Skor
Elemen 1 : Persepsi tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis	0 - 7	0
	8 - 20	1
Elemen 2 : Persepsi terhadap kebolehan murid	0- 7	0
	8 - 20	1
Elemen 3 : Ciri-ciri spesifik disleksia yang ada pada murid	0 - 3	0
	4 - 10	1

INTERPRETASI ELEMEN

Elemen 1: Persepsi Tahap Penguasaan Kamahiran Mengeja, Membaca dan Menulis.

Skor '0': Murid dianggap berada dalam lingkungan kebarangkalian tidak menghadap masalah mengeja, membaca dan menulis.

Skor '1': Murid dianggap berada dalam lingkungan kebarangkalian menghadapi masalah mengeja, membaca dan menulis.

Elemen 2: Persepsi Terhadap Kebolehan Murid

Skor '0' : Murid dianggap berada dalam lingkungan kebarangkalian mempunyai kognitif di bawah aras murid biasa.

Skor '1' : Murid dianggap berada dalam lingkungan kebarangkalian mempunyai keupayaan kognitif searas atau melebihi murid-murid normal.

Elemen 3: Ciri-Ciri Spesifik Disleksia Yang Ada Pada Murid

Murid dianggap berada dalam lingkungan kebarangkalian menghadapi kesukaran. Disleksia terdiri daripada mereka yang mendapat skor seperti berikut:

Elemen	Skor
1	1
2	1
3	1

KEQUALI YANG BERIKUT :

Elemen	Skor	Elemen	Skor	Elemen	Skor	Elemen	Skor	Elemen	Skor
1	1	1	0	1	0	1	0	1	1
2	0	2	1	2	0	2	0	2	0
3	1	3	1	3	1	3	0	3	0

